

KHUTBAH JUMAAT
“URUS HARTA GAYA NABI YUSUF”
(26 Julai 2024M/ 20 Muharam 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “ ***Urus Harta Gaya Nabi Yusuf***”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam mengiktiraf harta sebagai salah satu alat untuk mendapatkan keperluan asasi di dalam kehidupan manusia. Harta yang

dianugerahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada manusia dalam pelbagai bentuk dan dari pelbagai sumber.

Dalam situasi masyarakat hari ini, suami sebagai ketua keluarga menyediakan nafkah kepada keluarga dengan berusaha mencari rezeki untuk menjana pendapatan melalui pekerjaan atau perniagaan. Tidak kurang juga terdapat para isteri yang turut sama-sama membantu suami masing-masing untuk bekerja mencari pendapatan atau berniaga secara sambilan bagi membantu menampung perbelanjaan keluarga.

Dalam sibuk mencari rezeki, seorang Muslim seharusnya memahami bahawa mencari yang halal itu adalah fardu. Bekerja dengan bersungguh-sungguh, mencari pekerjaan yang halal dan mengelakkan daripada rasuah di tempat kerja adalah tanggungjawab seorang Muslim. Pekerjaan yang dilakukan dan perniagaan yang dijalankan hendaklah bersih daripada unsur maksiat dan riba. Sabda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* :

((أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الْطَّلَبِ فَإِنَّ نَفْسًا لَنْ تَمُوتَ حَتَّى تَسْتَوِيَ رِزْقَهَا وَإِنْ أَبْطَأَ عَنْهَا فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَجْمِلُوا فِي الْطَّلَبِ خُذُوا مَا حَلَّ وَدَعُوا مَا حَرُّمَ))

Maksudnya: Wahai manusia. Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah. Dan tempuhlah jalan yang baik dalam mencari rezeki. Sesungguhnya suatu jiwa tidak akan mati sehingga masih disempurnakan rezekinya (oleh Allah) walaupun lambat. Maka

hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, pilihlah cara yang baik dalam mencari rezeki, ambillah apa yang halal, dan tinggalkanlah apa-apa yang haram.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Selain soal halal dan haram, perlu juga dititikberatkan dari sudut sumber pendapatan yang diperolehi. Islam menuntut umatnya menggunakan, membelanjakan dan menguruskan harta halal yang diperolehi tersebut dengan cara yang diredhai oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Pendek kata, seorang Muslim hendaklah membelanjakan hartanya untuk keperluan diri dan boleh memanfaatkannya untuk kebaikan masyarakat seperti dalam bentuk sedekah dan wakaf. Seorang Muslim juga tidak seharusnya berbelanja secara boros sehingga memudaratkan diri sendiri yang akibatnya juga akan memberi kesan kepada ahli keluarga. Faedah daripada tidak bersikap boros adalah seorang Muslim boleh menyimpan sebahagian pendapatannya untuk masa depan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam menguruskan harta untuk perbelanjaan diri sendiri dan keluarga, contoh inspirasi yang baik boleh diambil daripada kisah Nabi Yusuf *alaihis salam*. Apabila baginda menawarkan diri untuk menjaga perpendaharaan negara, baginda memberi penekanan kepada dua aspek penting yang ada pada diri baginda iaitu amanah dan berpengetahuan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Yusuf, ayat 55:

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٌ (٥٥)

Maksudnya: Nabi Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.

Walaupun konteks kisah Nabi Yusuf *alaihis salam* adalah dalam pengurusan perbendaharaan kerajaan Mesir pada ketika itu, sebenarnya, ia juga boleh diaplikasi dalam kehidupan individu seorang Muslim. Nabi Yusuf *alaihis salam* menguruskan harta dengan penuh kebijaksanaan dan pengetahuan.

Ketika Nabi Yusuf *alaihis salam* ditanya tentang tafsir mimpi raja pada masa itu, jawapan yang diberi oleh Nabi Yusuf *alaihis salam* dirakamkan dalam surah Yusuf, ayat 47:

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأَبَا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُبْلَلِهِ إِلَّا قَلِيلًا
مِمَّا تَأْكُلُونَ (٤٧) ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعُ شِدَادٍ يَأْكُلُنَّ مَا قَدَّمْتُمْ
لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تُحْصِنُونَ (٤٨)

Maksudnya: Nabi Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu mananam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang

akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).

Berdasarkan petikan Surah Yusuf ini, Nabi Yusuf *alaihis salam* menyarankan umatnya agar bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki. Apabila didapati rezeki yang melimpah ruah, saranan Nabi Yusuf *alaihis salam* adalah supaya sebahagian hasil tanaman disimpan untuk simpanan akan datang.

Dalam konteks zaman kita yang menerima hasil pendapatan dalam umumnya bentuk wang, maka sebahagian wang disimpan untuk tujuan kegunaan keperluan pada masa akan datang. Budaya menyimpan dalam waktu senang adalah penting kerana akan menjadi berguna untuk kegunaan pada waktu susah kelak. Malang itu tidak berbau. Sesiapa sahaja boleh terkena musibah kesusahan.

Sekiranya kita mendapat terdapat lebihan daripada pendapatan untuk disimpan, simpanan boleh dibuat dalam akaun bank yang patuh syariah atau dalam bentuk simpanan lain yang tidak bercanggah dengan syarak. Sekiranya harta tersebut dilaburkan, hendaklah dilaburkan ke dalam pelaburan yang tidak bercanggah dengan syarak dan mengelakkan daripada skim cepat kaya yang membinasakan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi mereka yang bekerja dengan majikan, sebahagian gaji para pekerja akan dicarum ke dalam simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tersebut di samping majikan juga

bertanggungjawab untuk membuat bayaran caruman KWSP bagi pekerja mereka. Ini adalah salah satu inisiatif daripada kerajaan sebagai Ulul Amri atau pemerintah dalam membantu rakyat menyimpan untuk persediaan hari tua sebagai maslahah kepada rakyat Malaysia dalam membantu perbelanjaan ketika persaraan pada hari tua. Ini kerana ketika sudah berusia, secara umumnya kemampuan untuk bekerja dan mencari pendapatan sudah amat terhad berbanding ketika waktu muda.

Di KWSP, terdapat dua jenis akaun simpanan iaitu Simpanan Konvensional dan Simpanan Shariah. Berdasarkan kepada Akta KWSP 1991, ahli KWSP boleh memilih untuk bertukar ke Simpanan Shariah sejak 2017.

Akaun Simpanan Shariah akan diuruskan mengikut prinsip syariah di bawah rangka kerja tadbir urus syariah yang mengurus aspek pematuhan syariah bagi Simpanan Shariah. Rangka kerja ini akan dilaksanakan dengan nasihat oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) yang dilantik bagi memastikan portfolio pelaburan bagi Simpanan Shariah benar-benar memenuhi kehendak syarak.

Dengan wujudnya alternatif akaun simpanan KWSP yang patuh syariah ini, Simpanan Shariah seharusnya menjadi pilihan utama kepada ahli KWSP yang beragama Islam memandangkan akaun Simpanan Shariah akan diuruskan mengikut hukum syarak dan dilaburkan ke tempat pelaburan yang patuh syariah sahaja.

Simpanan ahli tidak digunakan bagi tujuan yang bercanggah dengan syarak seperti riba (faedah), maysir (perjudian) dan gharar (ketidakpastian di dalam kontrak) yang sering terdapat di dalam pelaburan di dalam perbankan konvensional dan insurans.

Dengan memiliki akaun Simpanan Shariah di KWSP, Simpanan Shariah KWSP akan membantu ahli menyediakan simpanan persaraan yang diuruskan secara patuh syariah untuk kegunaan ahli dan keluarga terutamanya untuk tujuan perbelanjaan menunaikan ibadah haji dan umrah tanpa sebarang was-was ke atas sumber dana tersebut.

Oleh itu, mimbar pada hari ini menyeru kepada umat Islam yang merupakan ahli KWSP untuk bertukar ke Simpanan Shariah bagi mereka yang belum berbuat demikian. Para pencarum Muslim boleh membuat pertukaran tersebut melalui saluran yang disediakan seperti secara dalam talian menggunakan aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun atau di semua cawangan KWSP seluruh negara. Dengan pilihan dan kemudahan yang disediakan ini, tiada alasan lagi untuk rakyat Malaysia beragama Islam untuk tidak bertukar ke akaun Simpanan Shariah.

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mencukupkan keperluan persaran kita dengan harta dan sumber pendapatan yang halal sepetimana doa yang diajar oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berkenaan kecukupan rezeki yang bermaksud:

"Ya Allah cukupkanlah aku dengan yang halal dan jauhkanlah aku dari yang haram, dan cukupkanlah aku dengan kurniaan-Mu dari bergantung pada selain-Mu".

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* juga bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud:

"Riba meskipun banyak namun akibatnya menjadi sedikit"

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah dan Imam Ahmad)

Simpanan yang bebas daripada riba menjamin keberkatan dan keredaan daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Keimanan kepada Allah dan keyakinan kepada janji Allah akan soal rezeki akan mengelakkan hamba Allah yang beriman daripada terjebak dengan sumber pendapatan yang tidak halal.

Kedua: Simpanan Shariah seharusnya menjadi pilihan utama kepada ahli KWSP yang beragama Islam.

Ketiga: Simpanan yang bebas daripada riba menjamin keberkatan dan keredaan daripada Allah *subhanahu wata'ala*

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Talaq, ayat 2-3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
 وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۖ إِنَّ
 اللَّهَ بَلِغَ أَمْرِهِ ۚ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا (٣)

Maksudnya : Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingartlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
 قَوِيلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
 وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap impak cuaca yang mungkin melanda seperti cuaca kering, jerebu, kebakaran hutan dan penyusutan paras air empangan yang disebabkan oleh musim Monsun Barat Daya yang akan berterusan sehingga September 2024. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَئِيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَرِدُكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.